

TADABBUR: PERSEPSI DAN AMALAN MASYARAKAT TERHADAP AL-QURAN DI MALAYSIA

¹Rohana Zakaria, ¹Noorhafizah Mohd Haridi, ¹Shaharuddin Pangilun, ¹Mardhiah Yahaya, &
²Hayati Hussin

rohana@kuis.edu.my

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

²Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

ABSTRAK

Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw merupakan hidayah dan petunjuk kepada seluruh manusia. Sebagai umat Islam, kita seharusnya memahami dengan jelas bahawa al-Quran bukanlah sebuah kitab yang hanya dibaca, namun ia juga perlu difahami, ditadabbur dan dihayati dalam kehidupan seharian. Namun ramai manusia hari ini tidak mengambil peduli akan kepentingan dan tujuan sebenar al-Quran diturunkan. Kebanyakan umat Islam hari ini membaca al-Quran hanya sekadar suatu amalan yang dikira ibadah dan diberi ganjaran. Justeru itu, kertas kerja ini mengenengahkan beberapa persepsi yang membawa kepada amalan dan menjadi tradisi di kalangan masyarakat kita pada hari ini agar mendapat kesedaran dan pengetahuan terhadap kepentingan serta keutamaan tadabbur al-Quran, di samping beberapa cadangan ke arah menyelesaikan permasalahan tersebut. Hasil daripada penulisan ini, mengharapkan agar ianya menjadi cetusan awal ke arah usaha memahami dan menghayati al-Quran di kalangan masyarakat. Dengan tidak meninggalkan tradisi membaca al-Quran seperti lazimnya, setiap umat Islam perlu mengusahakan satu lonjakan paradigma untuk mentadabbur al-Quran. Seterusnya al-Quran yang telah sekian lama berada di samping kita dapat difahami bersama, diamalkan dan dihidupkan dalam setiap diri sebagaimana yang dituntut oleh Allah SWT.

Kata kunci: tadabbur al-Quran, amalan masyarakat terhadap al-Quran.

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai satu panduan jelas kepada baginda dan umat Islam. Segala suruhan dan larangan Allah SWT dimuatkan di dalam al-Quran. Kitab lengkap bagi umat Islam ini turut menjadi mukjizat agung Rasulullah SAW yang kekal sehingga hari ini. Kandungan al-Quran kekal relevan kepada umat Islam sejak daripada zaman penurunannya sehingga kini, dan akan terus kekal selagi wujudnya alam ini.

Sesungguhnya kefahaman terhadap al-Quran merupakan suatu anugerah daripada Allah SWT. Ia dianugerahkan kepada mereka yang bersungguh-sungguh mempelajari isi kandungan al-Quran. Al-Quran penuh dengan lautan ilmu dan kebaikan untuk seluruh alam. Oleh itu amat penting dijadikan al-Quran sebagai pembimbing dan petunjuk dalam amalan kehidupan seharian. Maka caranya adalah menjadikan ia satu kewajipan ditadabbur dan dihayati ketika berinteraksi bersama al-Quran.

Tadabbur adalah sebab utama perubahan hidup masyarakat. Generasi pertama yang telah di didik oleh Rasulullah SAW telah melimpahkan kerahmatan ke seluruh alam yang mampu dicapai oleh mereka melalui ‘gerakan pembebasan’. Generasi selepas mereka meneruskan dengan cara yang sama sehinggalah al-Quran dan bertadabbur dengannya, ditinggalkan sedikit demi sedikit. Akhirnya amalan tadabbur ini menjadi satu amalan yang telah dilupakan.

2.0 DEFINISI TADABBUR

Secara etimologi, kalimah *tadabbur* berasal daripada perkataan ‘*dabara*’ dalam bahasa Arab ertinya ‘belakang’. Manakala maksud terminologinya menurut al-Lahim (2004) merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat dari kalamullah dan peringatan-peringatan yang mendalam dan terperinci.

Manakala menurut al-Qardhawi (1999) bahawa *tadabbur* adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Manakala *tadabbur* menggerakkan fikiran tentang akibatnya. Selain itu, makna *tadabbur* menurut al-Zuhaili (2009) adalah “Merenungkan makna-maknanya dan meneliti kandungannya”.

Kalimah *tadabbur* menurut pengertian istilah turut mempunyai pelbagai kupasan oleh para ulama. Menurut dapatan Nurul Zakirah (2014) kebanyakan takrifan ulama tafsir mengenai kalimah *tadabbur* menerangkan makna yang hampir serupa dan tiada perselisihan. Kesimpulannya *tadabbur* boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian. Oleh itu setiap anggota badan seharusnya memainkan peranan dalam merealisasikan bacaan al-Quran secara *tadabbur*.

3.0 PERINTAH TADABBUR AL-QURAN

Di Dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang menyebut kalimah *tadabbur* dan menunjukkan kepada perintah *mentadabbur* al-Quran. sepertimana firman Allah:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.
(an-Nisa' 4:82)

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا الْقَوْلَ أَمْ جَاءَهُمْ مَا لَمْ يَأْتِ آبَاءَهُمُ الْأَوَّلِينَ

Maksudnya: “Maka Adakah mereka melakukan Yang demikian kerana mereka tidak dapat memahami kata-kata ajaran (yang disampaikan kepada mereka)? atau kerana telah datang kepada mereka sesuatu Yang tidak pernah datang kepada datuk nenek mereka Yang telah lalu?”

(al-Mukminun 23:68)

كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar. (Sad 38:29)

Selain itu juga , pada surah Muhammad Allah menyebut dalam bentuk sindiran terhadap umat Islam iaitu adakah “kita” yang sering membaca dan mendengar al-Quran ini tidak ada apa-apa kesan pada hati kita? sebagaimana firman Allah:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Maksudnya: Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?

(Muhammad 47:24)

Jelas ayat-ayat ini menunjukkan al-Quran diturunkan untuk melakukan *tadabbur* dan ini adalah dalil tentang kewajipan melakukan *tadabbur* terhadap al-Quran. Orang yang tidak melakukan *tadabbur*, hati mereka seakan-akan telah terkunci untuk mendapat kebenaran, kerana tidak mengetahui kandungan al-Quran yang menjadi kewajipan mereka.

Menerusi ayat tersebut dapat difahami ia adalah suatu kutukan terhadap diri orang yang membaca tanpa memahami dan menghayati isi al-Quran. Bahkan, ia suatu gesaan atas manusia agar membaca al-Quran dengan penuh penghayatan dan kefahaman (As-Syanqithi 2010). Berkata Hassan al-Basri : Demi Allah, bukanlah *tadabbur* itu dengan menghafaz huruf-huruf al-Quran itu dan mencuaikan undang-undangnya sehingga ada yang berkata; “ Aku telah membaca al-Quran, tidak satupun hurufnya yang tertinggal.” Demi Allah, dia telah meninggalkan semuanya kerana tidak nampak sedikitpun kesan pengajaran al-Quran pada akhlak dan amalannya (al-Sabuni, 1999).

Sayidina Ali bin Abi Thalib karamallahu wajhah mengingatkan bahawa: “Tiada kebaikan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya, dan tiada kebaikan dalam membaca al-Quran bagi yang tidak *tadabbur* padanya”(al-Darimi jil1hlm 230). Menurut Hassan al-

Basri pula: “Sesungguhnya para sahabat memandang al-Quran sebagai surat daripada Tuhan mereka. Mereka bertadabbur dengannya pada waktu malam dan mengamalkan kandungannya pada siang harinya (an-Nawawi 1992). Imam az-Zarkasyi pula mengatakan bahawa membaca Al-Qur'an tanpa *tadabbur* makruh hukumnya. Sebagaimana diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru yang berbunyi ' dianggap tidak faham orang yang membaca al-Qur'an kurang dari 3 hari. Ia dicela kerana telah mempercepatkan lafaz-lafaznya dan meninggalkan proses memahami isinya yakni *tadabbur* ' (az-Zarkasyi 1972). Menyedari hal inilah, maka kita perlu berusaha dan berusaha bagi mencapai tahap *tadabbur*.

4.0 PERSEPSI DAN AMALAN MASYARAKAT TERHADAP AL-QURAN DI MALAYSIA

Kebanyakan umat Islam hari ini membaca al-Quran hanya sekadar amalan yang dikira sebagai ibadah dan diberi ganjaran pahala. Setiap satu huruf diberi satu kebajikan dan satu kebajikan itu akan digandakan pula sebanyak 10 kali ganda. Tidak dinafikan ini satu manfaat membaca al-Quran, tetapi belum memenuhi kehendak atau tuntutan suruhan sebenar dari bacaan al-Quran tersebut.

Di Malaysia, ramai yang mempunyai salah anggap terhadap peranan al-Quran. Ada yang menganggap bahawa al-Quran hanyalah untuk dibaca dan suasana ini dapat dilihat menerusi amalan umat Islam di Malaysia menerusi amalan-amalan berikut:

- i. Bacaan Al-Quran dilakukan Secara Bermusim

Kebanyakan umat Islam hari ini membaca al-Quran hanya sekadar suatu amalan yang dikira ibadah dan diberi ganjaran pahala. Suasana bacaan al-Quran dapat dilihat dengan ketara di dalam bulan Ramadan. Pelbagai program berkaitan al-Quran dianjurkan seperti program tadarus al-Quran, program solat tarawih bersama Imam Hafiz dan sebagainya. Ada yang lebih fokus untuk khatam dan cepat habiskan 30 juzuk dalam tempoh sebulan Ramadhan. Namun, setelah berlalunya bulan Ramadan, program-program berkaitan al-Quran kelihatan semakin berkurangan dan kurang mendapat sambutan.

- ii. Mengamalkan Bacaan pada surah-surah dan ayat-ayat tertentu

Tidak dinafikan bahawa di dalam al-Quran terdapat surah-surah yang mempunyai kelebihan yang tersendiri. Selain itu terdapat juga amalan sesetengah masyarakat yang

mengamalkan ayat-ayat tertentu untuk tujuan. Ini menyebabkan segelintir daripada masyarakat di Malaysia cenderung untuk membaca al-Quran daripada surah-surah yang terpilih sahaja. Sedangkan al-Quran bukanlah dibaca untuk memperoleh kelebihan dan fadhilatnya sahaja, namun turut dibaca untuk difahami, dipelajari dan ditadabbur isi kandungannya.

- iii. Menggunakan ayat al-Quran untuk tujuan-tujuan tertentu dan juga dijadikan sebagai ‘azimat’

Senario yang berlaku dalam masyarakat hari ini, amalan menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk ruqyah dan hajat-hajat tertentu. Ada yang mengatakan kalau baca ayat ini boleh sembuh penyakit ini, ayat sekian-sekian boleh menyembuhkan penyakit lain pula. Ataupun kalau amalkan membaca ini, boleh dapat sekian. Selain itu, ada juga menggunakan potongan ayat tertentu untuk hajat seperti ayat pengasih, bagi orang sayang, lembutkan hati terhadap kita dan sebagainya. Sedangkan ayat al-Quran adalah sebagai peringatan dan panduan hidup kepada manusia bukan digunakan sebagai ‘azimat’ untuk keperluan tertentu. Bahkan kita sepatutnya baca ayat Quran, faham, tadabbur dan amal apa yang terkandung dalam al-Quran. Oleh itu bacalah keseluruhan al-Quran itu tanpa hanya menetapkan ayat-ayat tertentu sahaja.

- iv. Al-Quran dalam Musabaqah Tilawah Dan Hafazan

Penganjuran program ini dilaksanakan saban tahun dengan tujuan agar dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain serta mencari qari dan qariah yang mempunyai tahap bacaan yang berkualiti sebagai contoh dan ikutan masyarakat (Abdullah dan Siti Norfariza, 2013). Malahan terdapat segelintir golongan yang bertungkus-lumus membaca dan menghafal al-Quran kerana ianya hanya untuk dipertandingkan. Persepsi sebegini sebenarnya amat jauh daripada sebab penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad saw dan umat baginda. Ini kerana al-Quran tidaklah diturunkan untuk dipertandingkan dan tidak juga untuk mendapat gelaran. Sedangkan maqasid utama al-Quran diturunkan pada umat manusia adalah untuk difahami, ditadabbur dan diamalkan. Justeru, al-Quran seharusnya dibaca secara tartil kerana tadabbur hanya akan berlaku dengan bacaan secara tartil.

v. Menggunakan al-Quran untuk kepentingan diri dan dijadikan sebagai hujah

Dalam masyarakat di Malaysia, terdapat segelintir golongan yang membaca dan menghafal al-Quran sebagai hujah dan kepentingan diri tanpa menjadikan keseluruhan al-Quran sebagai panduan hidup. Sebagai contoh, ayat yang mengharuskan lelaki berpoligami seringkali dijadikan hujah untuk berpoligami sedangkan dalam masa yang sama syarat-syaratnya diabaikan, ibadah-ibadah yang wajib ditinggalkan malah perkara-perkara yang haram tetap dilakukan. Sedangkan al-Quran adalah rujukan dalam setiap aspek kehidupan yang perlu ditaati pada setiap masa dan keadaan.

vi. Khatam al-Quran hanya sekali dan disambut dengan majlis yang meriah

Menjadi satu amalan bagi sesetengah umat Islam di negara ini menganjurkan majlis khatam al-Quran yang menandakan bahawa mereka telah selesai membacanya sepanjang Ramadhan. Mereka beranggapan bahawa sudah mencukupi dan menandakan ia sebagai orang yang beriman kepada Allah. Sedangkan ianya perlu ditingkatkan kepada penghayatan dengan mengadakan diskusi, penyelidikan dan yang paling utama tadabbur secara berterusan.

Tidak dinafikan bahawa kejayaan mengkhatamkan al-Quran merupakan suatu kegembiraan bagi setiap individu. Malah dalam masyarakat Islam di Malaysia, kegembiraan itu dipamerkan lagi dengan majlis khatam al-Quran, kenduri dan jamuan. Namun sayangnya, setelah berjaya mengkhatamkan al-Quran, terdapat segelintir ibu ayah yang tidak lagi menghantar anak-anak ke kelas mengaji seolah-olah merasakan tanggungjawab mendidik anak-anak terhadap pendidikan al-Quran telah tercapai. Al-Quran tidak lagi dibaca melainkan pada waktu-waktu yang khusus sahaja seperti pada malam Jumaat dan dalam majlis kenduri arwah mahu pun kenduri kesyukuran.

Persepsi seperti ini perlu diubah kerana mengkhatamkan al-Quran buat kali pertama sebenarnya tidak mencukupi. Bahkan, al-Quran seharusnya dibaca dan dipelajari sepanjang hayat tidak kira sama ada bagi golongan muda mahu pun tua. Sekiranya tradisi khatam al-Quran dianjurkan tanpa kesedaran untuk menyelidiki, mengkaji dan berdiskusi maka ia tidak akan melahirkan orang-orang yang bertaqwa.

vii. Al-Quran dibaca ketika di majlis keraian dan suasana duka serta mengabaikannya

Al-Quran dibacakan oleh seorang qari, sedangkan orang-orang tidak mempedulikan maknanya. Sekalipun telinga-telinga mereka yang mendengar hanya tertarik kerana kemerduan suara, namun mereka sama sekali tidak memahami makna dan tidak mentadabburi apa yang sedang dibaca. Begitu juga menjadi kebiasaan dan amalan dalam kalangan masyarakat kita ada kematian dipasang audio bacaan al-Quran oleh qari. Namun tetamu yang datang ziarah seronok bersembang tiada siapa peduli bacaan al-Quran yang diperdengarkan.

Maka inilah antara persepsi dan salah tanggapan masyarakat kita terhadap al-Quran yang sering berlaku dan diamalkan dalam masyarakat kita. Walaupun amalan membaca al-Quran di kalangan umat Islam berkekalan hingga hari ini, namun jika dinilai dari pelbagai sudut perbezaannya amat ketara. Tidak perlu bicara soal kekerapan khatam, kefasihan, kemerduan dan sebagainya. Apa yang lebih penting ialah perbezaan dari sudut mengambil manfaat daripada al-Quran yang merupakan sebesar-besar rahmat dan nikmat yang Allah limpahkan kepada umat manusia. Untuk mendapat manfaat yang lebih besar sesuai dengan al-Quran itu kitab hidayah dan mukjizat yang dikurniakan kepada Rasulullah SAW maka mestilah dengan cara memahami, menghayati dan mentadabbur isi kandungannya.

5.0 KEWAJIPAN UMAT ISLAM MENTADABBUR AL-QURAN

Setelah melihat persepsi dan amalan kebiasaan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia terhadap al-Quran, setiap pihak dan individu seharusnya memainkan peranan dalam menanamkan konsep tadabbur al-Quran dalam diri setiap Muslim. kewajipan umat Islam khususnya di Malaysia mentadabbur al-Quran boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

a. Mencapai maqasid sebenar penurunan al-Quran

Pembaca al-Quran dituntut untuk mentadabbur dan memahami serta mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya. Inilah maqasid utama Allah menurunkan al-Quran iaitu untuk ditadabbur (al-Maliki 2010). Firman Allah dalam Surah Saad 38:29 maksudnya;

“Al-Quran ini sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu dan umatmu Wahai Muhammad, Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti

kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.

Ayat ini menjadi dalil tentang kewajiban melakukan *tadabbur* terhadap al-Quran. Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk dihayati dan *ditaddabur* serta dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan setiap diri muslim yang beriman kepada Allah (al-Ahdal 2012).

b. Memahami, menghayati dan melaksanakan segala perintah dan larangan Allah

Di dalam al-Quran, terdapat lebih daripada 600 ayat yang berkaitan dengan hukum Allah swt. Ia termasuklah perkara-perkara yang wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Justeru, menjadi kewajiban ke atas setiap umat Islam untuk memahami segala perintah dan larangan Allah yang terdapat di dalam al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

c. Mengambil iktibar dan pengajaran daripada kisah umat terdahulu di dalam al-Quran

Di dalam al-Quran dirakamkan sejarah umat terdahulu. Antaranya sejarah kaum Nabi Luth, Musa, Nabi Ibrahim, Nabi Yusuf, Zulqarnain, Luqman al-Hakim dan pelbagai lagi sebagai iktibar dan pengajaran kepada umat Nabi Muhammad saw. Justeru penting bagi kita mempelajari sejarah-sejarah umat terdahulu dan memahami apa yang telah Allah SWT rakamkan di dalam al-Quran agar kehidupan yang kita lalui berada di landasan yang betul dan tidak dimurkai Allah.

d. Memahami balasan syurga dan neraka yang terkandung di dalam al-Quran,

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menjelaskan mengenai syurga dan neraka. Kebiasannya ayat-ayat yang menyebut tentang syurga dan keindahannya akan digandingkan dengan amalan-amalan yang baik sebagai pendorong kepada umat Islam untuk terus melakukan kebaikan pada setiap masa dan di mana sahaja tanpa henti. Begitulah juga sebaliknya, ayat-ayat yang menjelaskan tentang dahsyatnya neraka dan azab yang terdapat padanya akan digandingkan dengan amalan-amalan yang buruk sebagai ancaman kepada umat Islam agar menghindarkan diri daripada perkara tersebut. Seterusnya menerbitkan perasaan takut terhadap balasan yang ditimpakan Allah pada hambanya, akan mendorong hati dan perbuatan kita ke arah melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan.

6.0 KESIMPULAN

Ramai umat Islam membaca al-Quran, namun apakah yang boleh dipelajari daripada al-Quran? Kebanyakan umat Islam hari ini membaca al-Quran hanya dengan lidah sahaja, tidak lebih daripada itu. Sedangkan Imam al-Ghazali menyatakan dalam *Ihya'Ulumiddin* bahawa membaca al-Quran itu sebenarnya dengan penyertaan lidah, akal dan hati. Peranan lidah membetulkan sebutan huruf dengan tartil, akal pula dengan pemahaman makna dan peranan hati mengambil iktibar. Membaca al-Quran dengan penyertaan lidah, akal dan hati itulah dikatakan tadabbur.

Allah SWT telah mewahyukan al-Quran dengan hikmah agar ia menjadi panduan kepada umat Islam. Panduan ini akan diperolehi jika kita dapat menghayati al-Quran. Untuk menghayati al-Quran proses utamanya adalah dengan mentadabbur al-Quran sendiri. Oleh itu, kita perlu melakukan perubahan dan mengorak langkah ke arah mentadabbur al-Quran sepertimana yang dilakukan oleh generasi umat Islam terdahulu. Mudah-mudahan perubahan ini akan mendapat ganjaran pahala dan petunjuk hidayah untuk memantapkan keimanan dan ketaqwaan.

RUJUKAN

Al-Quran

Abdullah Yusof dan Siti Norfaiza Mohd Tawel 2013. Penganjuran Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa : Sejarah dan perkembangannya. Jurnal al-Tamaddun Bil.8 (2) 2013,15-25.

Ad-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007. *Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq

Al-Imam az-Zarkasyi (1972) *Al-Burhan Fii Ulumil Qur'an*. Al-Maktabah al-Asriyyah, Beirut.

Al-Lahim Khalid bin Abdul Karim(1425H) *Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-Hayat*. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh

An-Nawawi , Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Din (1992). *Al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*. Tahqiq: Basyir Muhammad 'Uyun. Dimasyq: Maktabah Dar al-Bayan. As-Shabuni 1999 .*Safwah al-Tafasir*. Darul Kutub al-Ilmiyyah. Beirut

Dr Yusuf Al-Qardhawi 1999. *Kaifa Nataa' Maa' al-Quran al-'Azim* . Dar as-Syuruq 1999

Dr Wahbah al-Zuhaili 2009. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-manhaj*. Dar al-Fikr Dimasyq.

Hasyim bin Ali al-Ahdal 2012. *Ta'lim tadabbur al-Quran al-Kareem Asalib Amaliyyah wa Marahil Manhajiyah*. Markaz ad-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah. Bi Maahad al-Imam al-Syatibi. 2012

Nurul Zakirah Mat Sin, 2014 : *Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir*.

Syeikh As-Syanqithi. *Tafsir adhwa'ul Bayan tafsiral-Quran dengan al-Quran* .Takhrij Syaikh Muhammad & AAbdul Aziz Al-Khalidi. Pustaka Azzam. Cetakan Oktober 2010

Sayyid Muhammad Alwi al-Maliki 2010: *Keistimewaan-keistimewaan al-Quran*. Terbitan Alam Raya Enterprise. Februari 2010.